

06 MAR 2001

Mahathir-Cina

UMNO TIADA NIAT "BUNUH" ORANG CINA, KATA DR MAHATHIR

PENDANG, 6 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan cubaan parti pembangkang meraih undi masyarakat Cina dengan membuat dakwaan kononnya sanggup mempertahankan kaum itu jika Umno ingin "membunuh" mereka.

Perdana Menteri berkata dengan membuat dakwaan itu, parti pembangkang bukan sahaja mahu meraih undi malah cuba menimbulkan suasana tegang antara kaum.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita ketika diminta menghurai ucapan ringkas beliau yang menyentuh perkara itu, pada majlis Korban di Masjid Kampung Bendang Raja, dekat sini.

"Ada kata mereka sanggup membunuh orang Umno dahulu jika Umno ingin membunuh orang Cina," kata beliau.

Dr Mahathir berkata pembangkang melaungkan slogan "kalau orang Umno ingin membunuh orang Cina, langkah mayat kami dulu" semata-mata untuk meraih undi.

"Dalam Internet, Setiausaha Politik Fadzil Noor (Presiden PAS Datuk Fadzil Noor) ada kata kalau orang Umno nak bunuh Cina, bunuh orang mereka dulu.

"Ruslan Kassim (Ketua Penerangan Parti Keadilan Nasional) pun kata kalau Umno nak bunuh Cina, langkah mayat dia dulu baru boleh. Benda ini dia cipta sahaja," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata: "Umno tidak ada niat langsung hendak membunuh orang Cina walaupun ada kalangan dalam Umno yang tidak bersetuju dengan tuntutan-tuntutan Suqui itu.

"Umno tak ada niat apa-apa pun. Tapi dia (pembangkang) nak tunjuk pada orang Cina yang dia juara mereka dan sanggup buat apa sahaja untuk orang Cina pasal nak bagi depa (orang Cina) benci pada Umno dan kerajaan."

Dr Mahathir berkata pembangkang sanggup membuat pelbagai tohmahan dan menimbulkan suasana tegang antara kaum semata-mata hendak mendapatkan sokongan politik.

"Mereka sanggup berbohong. Sama seperti Nik Aziz (Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat) bohong kononnya Tuhan mencarut," katanya.

Perdana Menteri berkata mereka sanggup berbohong dan membuat fitnah kerana ada kalangan yang akan tetap mempercayainya.

"Macam Nik Aziz kata kononnya Tuhan mencarut pun ada orang yang menyokongnya," katanya.

Dr Mahathir meminta rakyat tidak terpengaruh dengan tohmahan itu kerana ia boleh menjejaskan perpaduan antara kaum di negara ini.

Terdahulu, Dr Mahathir menghadiri majlis Korban di Masjid Kampung Bukit Lada, Pokok Sena.

-- BERNAMA

JM NAK